

RAPANG BESAR
Greater Sand-plover

FAMILI: Charadriidae

NAMA SAINTIFIK: *Charadrius leschenaultii*

CIRI-CIRI

Spesies ini kelihatan hampir sama seperti Rapang Mongolia, *C.mongolus*, tetapi saiznya lebih besar, lebih panjang, kepala yang lebih bersegi, paruh yang lebih panjang, peha yang lebih panjang dan kaki yang lebih pudar. Semasa musim pembiakan, bulu individu jantan sama seperti Rapang Mongolia, *C.mongolus*, tetapi mempunyai jalur dada oren kemerahan yang lebih halus, tanpa sempadan atas berwarna hitam. Individu betina pula seperti individu dewasa luar musim pembiakan tetapi mempunyai mempunyai jalur dada oren kemerahan yang halus. Individu juvenil pula sama seperti Rapang Mongolia, *C.mongolus*. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 22-25 sm.

MAKANAN

Spesies ini biasanya berlari dalam jarak yang dekat semasa mencari makanan. Dietnya terdiri daripada kumbang, cacing, belalang dan lain-lain serangga.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di beting pasir dan beting lumpur, pantai, ke-matu garam, kolam-kolam di persisiran pantai dan sungai-sungai besar.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *prirt*, *kyrrr trr* dan *trri* yang bergetar.